



<b>Headline</b>	<b>Misi UniKL Cycling</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Harian Metro(www.hmetro.com.my)</b>		
<b>Date</b>	<b>10 May 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>NEWS</b>	<b>Circulation</b>	<b>300</b>
<b>Page No</b>	<b>7</b>	<b>Readership</b>	<b>8</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>0 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 1,100</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 3,300</b>

## Misi UniKL Cycling

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8792422784&amp;z=1600249473](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8792422784&amp;z=1600249473)

Kuala Lumpur: Sedar nama universiti menjadi taruhan, barisan pelumba UniKL Cycling Community menjanjikan aksi terbaik apabila tampil bersaing dalam sirkit pertama Harian Metro Mountain Bike Grand Prix Cuti-Cuti 1Malaysia 2013 di Putrajaya, bulan depan. Menurut wakil UniKL Cycling Community, Muhammad Izzuddin Ahmad Helmi, kejohanan itu peluang terbaik untuk menaikkan lagi nama institusi pengajian mereka kerana terdapat wakil universiti lain yang turut mengambil bahagian. "Saya difahamkan ada universiti lain yang turut mengambil bahagian, jadi secara tidak langsung kami turut mahu memastikan UniKL menamatkan saingan di kedudukan terbaik. Kami menasarkankan untuk menamatkan saingan dalam kelompok 20 pelumba terbaik walaupun sedar saingan dijangka sengit apabila turut membabitkan peserta luar negara," katanya. Walaupun tanpa kehadiran pelumba ternama seperti pasukan lain, Izzuddin optimis ia tidak akan memberikan masalah kepada mereka kerana yakin pengalaman menyertai sejumlah kejohanan tempatan beberapa tahun sebelum ini mampu mematangkan mereka. "Kami semua adalah pelajar di UniKL namun kami sememangnya aktif dalam menyertai pelbagai kejohanan. Malah untuk saingan di Putrajaya nanti, kami mampu menjalani latihan penuh untuk beberapa minggu kerana semester sudah tamat," katanya. Pasukan itu bakal menyertai saingan kategori elit dengan laluan mencabar kemahiran disediakan pihak penganjur dalam saingan yang turut membabitkan peserta dari Asia Tenggara. Saingan Harian Metro Mountain Bike Grand Prix Cuti-Cuti 1Malaysia 2013 di anjurkan dengan kerjasama Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) yang turut mendapat pengiktirafan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM), membabitkan lima sirkit menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM220,000 selain cabutan bertuah. Menasarkankan kira-kira 3,500 peserta, saingan di Putrajaya akan membabitkan tiga kategori utama perlumbaan iaitu elit, Terbuka Metro (Jamboree) selain demonstrasi dan pameran membabitkan beberapa aktiviti menarik untuk seisi keluarga dengan tarikh akhir penyertaan adalah Rabu depan. Maklumat lanjut mengenai syarat pertandingan, kategori dan penginapan, layari laman <http://mtbgrp.hmetro.com.my> atau hubungi Nor Azam Aziz (019-3245808) dan AJK Riadz Radzi (019-6434049). Artikel ini disiarkan pada : 2013/